

Berilah perhatian aduan rakyat - PM

JM 23 AUG 1983

KUALA LUMPUR 22 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendesak institusi-institusi iktisas di negara ini supaya memberikan perhatian serius kepada rungutan-rungutan orang ramai terhadap amalan anggota-anggotanya.

Perdana Menteri berkata, kalangan profesional mestilah sensitif terhadap kenyataan bahawa mereka sentiasa disyaki kerana sifat mereka yang merupakan "kesatuan sekerja tertutup". Selalunya, tegas beliau, hak orang awam untuk dilindungi daripada amalan anggota-anggota iktisas yang tidak bertanggungjawab telah diabaikan.

Berucap merasmikan Persidangan Kongres Penilai, Penaksir dan Perunding Harta Ke-12 di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa kedudukan dan maruah sesuatu profesion akan terjejas sekiranya orang awam tidak dilindungi daripada segelintir anggota-anggota profesional yang tidak bertanggungjawab.

Persidangan tujuh hari itu dianjurkan oleh Institut Jurukur Malaysia dengan tema "Sumber Tanah-Cabaran Masa depan" yang dihadiri oleh pakar-pakar dari Amerika Syarikat, Ca-

nada, Jepun, Hong Kong, Korea Selatan, Singapura Australia, Fiji dan Philipina.

Perdana Menteri menegaskan, tidak ada satu bangsa pun yang akan makmur tanpa amalan etika kerja yang baik dan bersih, lebih-lebih lagi di kalangan golongan profesional yang memainkan peranan penting dalam membentuk corak hidup orang ramai.

Katanya, kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan pertumbuhan sihat sesuatu profesion itu melalui pengubalan undang-undang untuk melindungi kebanyakan profesion yang ada seperti

Akta Penilai dan Penaksir 1981.

Bagi memenuhi keperluan tenaga pakar dalam sektor swasta dan kerajaan, Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Teknologi MARA ada mengendalikan kursus pengurusan dan penilaian harta di peringkat ijazah dan diploma, kata beliau.

Kerajaan juga sedang membina Institut Penyelidikan dan Latihan Penilaian di Bangi bagi melatih semasa berkerja bagi kakitangan jabatan penilaian, pejabat tanah dan pihak berkuasa tempatan, jelasnya.

Sejajar dengan konsep Pesyarikatan Malaysia, beliau berharap kemudahan institut itu akan dapat diperluaskan kepada pihak swasta untuk mewujudkan kerjasama lebih erat di antara kerajaan dan sektor swasta, katanya.

Terdahulu dari itu, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan Malaysia bernasib baik kerana mempunyai saiz dan sumber bahan mentah yang banyak untuk menampung jumlah penduduk yang besar.

Perdana Menteri mengingatkan faktor-faktor itu sahaja tidak menjamin kemampuan untuk menam-

pung jumlah penduduk yang besar kerana yang lebih penting ialah kerajinan, kemahuan dan kepintaran penduduknya.

"Semua sumber bahan mentah yang ada tidak mungkin dapat dieksploitasikan dan tidak akan menyumbangkan sesuatu untuk mempertingkatkan kualiti hidup penduduknya," jelas beliau.

Jelasnya, pertambahan penduduk yang cepat serta kegagalan untuk menggunakan sebaiknya sumber tanah yang ada akan membantutkan usaha-usaha untuk memperbaiki kualiti hidup penduduknya.